



AFDLIN DAKWA TUDUHAN SALAH LAKU PROJEK DBKL ADA MOTIF DENDAM

PENGARAH dan pelakon, Datuk Afdlin Shauki menafikan dakwaan terbabit salah laku berkaitan perolehan projek kreatif Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bernilai RM4 juta. Ahli Lembaga Penasihat DBKL itu sebaliknya menyifatkan tuduhan itu hanya didorong oleh perasaan hasad dengki dan dendam tidak bertempat.

2 & 3

Afdlin nafi tuduhan salah laku projek

Pelakon itu dakwa ada pihak sengaja mainkan agenda burukkan namanya

SHAH ALAM

Ahli Lembaga Penasihat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Datuk Afdlin Shauki menangkis dakwaan berhubung salah laku dalam perolehan projek di bawah pihak berkuasa tempatan (PBT) itu.

Beliau yang juga pelakon dan pengarah mendakwa ada pihak sengaja memainkan agenda bagi memburukkan namanya.

"Baru-baru ini, tular hantaran dalam Telegram yang cuba mengaitkan saya dengan tuduhan salah laku dalam perolehan satu projek di bawah naungan Datuk Bandar Kuala Lumpur.

"Pertama sekali, saya menafikan sekeras-kerasnya terdapat apa-apa unsur salah laku dalam perolehan projek ini.

"Agenda pihak ini hanya didorong oleh perasaan hasad dengki dan dendam tidak bertempat," tulisnya menerusi hantaran di Instagram pada Jumaat.

Baru-baru ini tular dakwaan di media sosial mengenai seorang ahli Lembaga Penasihat DBKL melakukan pelanggaran proses tadbir urus berkaitan



AFDLIN SHAUKI

perolehan projek kerja penerbitan bahan kreatif untuk DBKL bernilai RM4 juta kerana dianugerahkan tanpa melalui tender terbuka.

Pada Khamis, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Maimunah Mohd Sharif mengesahkan siasatan dalam-an berhubung dakwaan salah laku seorang ahli lembaga penasihat yang dikaitkan dengan pemberian projek tersebut.

Malah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia juga sedia untuk menyiasat dakwaan tersebut.

Dalam pada itu, Afdlin berkata, beliau telah membuat laporan polis terhadap dakwaan yang dibuat kepadanya.

"Saya juga sudah membuat laporan polis untuk membolehkan siasatan di-

jalankan. Saya difahamkan, perkara ini juga sedang disiasat secara dalaman oleh DBKL.

"Oleh itu, saya menyeru saudara-saudari sekalian untuk memberi ruang kepada pihak-pihak yang berwajib untuk melaksanakan tanggungjawab mereka," jelasnya.

Beliau turut menyatakan kesediaan memberikan kerjasama penuh terhadap siasatan yang dijalankan.

"Saya bersedia memberi kerjasama penuh dalam siasatan dijalankan berhubung isu ini oleh mana-mana agensi penguatkuasaan.

"Fitnah dan tohmahan berniat jahat ini tidak seharusnya dibiarkan untuk berleluasa.

"Saya yakin dan pasti dengan izin ALLAH akhirnya kebenaran akan tersuluh dan keadilan akan ditegakkan," ujar Afdlin.

